

PROJEK

QALENG

KERTAS KERJA BAKAT MUDA SEZAMAN 2021

ISI KANDUNGAN

1 AHLI KUMPULAN & BIODATA
2 PENDAHULUAN
3 PERMASALAHAN / ISU
4 KONSEP
5 METODOLOGI
6 KESIMPULAN

PROJEK QALENG

BMS'2021

AHLI KUMPULAN & BIODATA

Projek Qaleng
Zaki X Faizuan X Razif X Zamhari

AWANG MOHD ZAKI BIN AWANG SUHAILI



Awang Mohd. Zaki Bin Awang Suhaili lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Seni Lukis & Seni Reka – Seni Halus dari UiTM Shah Alam pada tahun 2020. Beliau memulakan kerjaya seni dengan menyertai banyak pameran dan juga pernah terlibat dengan projek mural dan aktiviti komuniti setempat.

Karya-karya beliau kebanyakannya tertumpu kepada penggunaan bahan besi. Beliau juga pernah terpilih untuk pertandingan Waste To Art Sculpture di Galeri Shah Alam. Juga pernah menyertai ONE over TWO KLIMEX 2019. Pada 2019 beliau bersama ahli kumpulannya telah menyertai IIDEX 2019 dengan membawa LDPE Plastic Waste sebagai media dalam membuat seni cetak dan mendapat Bronze Award. Pada 2020 beliau telah terpilih sebagai finalis Visual Art Project 4 yang berlansung di Rumah Tangsi Gallery, Kuala Lumpur dan juga sebagai finalis bagi Pertandingan SPOTLIGHT yang dianjurkan oleh Penang Art District.



MOHAMAD FAIZUAN BIN MAT

Mohamad Faizuan bin Mat merupakan pensyarah di Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, UNIMAS. Beliau sekarang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat doktor falsafah di Pusat Pengajian Seni, USM di bawah seliaan Prof Madya Hasnul Jamal Saidon. Beliau mempunyai Sarjana, Pengajian Rekabentuk Bersepadu dari FRSB, UPM pada tahun 2010-2013. Pernah menjawat jawatan kurator di Galeri Seni FSGK, UNIMAS dari 2014-2020 dan Penyelaras Program Seni Halus, FSGK UNIMAS dari 2014-2020. Pada tahun 2015-2017, beliau dipilih mewakili Malaysia dalam program CuratorsLAB yang dianjurkan oleh Goethe-Institut Indonesien, Institut Teknologi Bandung, PORTIKUS dan Städelschule Frankfurt am Main, Jerman untuk menyokong dan memahami praktis kuratorial kontemporari di Asia Tenggara.

MOHD RAZIF MOHD RATHI



Mohd Razif Mohd Rathi adalah pensyarah kanan di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi Mara Sarawak di mana telah terlibat dalam pengajaran seni terutama di dalam seni arca sejak pada tahun 2006 . Beliau mendapat ijazah Sarjana dalam Seni Halus & Teknologi (Arca) dari UiTM Shah Alam pada tahun 2009. Beliau juga adalah pengasas kepada sebuah kolektif seni yang di namakan sebagai “Aftermath Thinker” dan telah terlibat secara langsung dalam banyak pameran seni seperti “Ipoh International Art Festival “Climate” di, Muzium Darul Ridzuan, Ipoh Perak, pameran “Drawing Discourse Beyond Understanding” di Galeri Seni Faca, Unimas, Samarahan Sarawak, Shah Alam Biennale 2016, di Galeri Tapak, Galeri Alam Impian, Selangor Darul Ehsan, "Malaysia Eye" di Galeri Seni Nolias, Stanford Street South Bank, London dan banyak lagi.



Mohamad zAmhari bin Abol Hassan merupakan pensyarah di Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, UNIMAS. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang seramik, seni halus, fotografi aerial dan amalan teknologi terkini. Mempunyai kelulusan dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka (Seramik) dengan Kepujian dari UiTM Shah Alam. Ijazah Seni Lukis dan Seni Reka (Rekaan Teknologi) dari Shah Alam. Beliau juga terlibat banyak dalam pameran-pameran seramik seperti Celcius dan pameran seni kontemporari yang lain.

MOHAMAD ZAMHARI BIN ABOL HASSAN

Projek Qaleng
Zaki X Faizuan X Razif X Zamhari

KOMUNITI KAMPUNG PULO HILIR, KUCHING SARAWAK





Projek Qaleng
Zaki X Faizuan X Razif X Zamhari

FOOD RIDER



Gambar Sekadar Hiasan Sahaja

PENDAHULUAN

Projek Qaleng diinspirasikan dari adat dan budaya masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak khasnya yang menjadikan amalan memberikan kuih muih, lauk pauk dan lain-lain menggunakan Qaleng (mangkuk tingkat) kepada saudara mara, jiran tetangga dan komuniti setempat. Qaleng kemudiannya dibawa ke dewan serbaguna untuk disajikan kepada komuniti setempat pada bulan ramadan untuk berbuka puasa. Amalan ini dikatakan masih diteruskan namun semakin pudar dari konsep awalnya yang menggunakan mangkuk tingkat sebagai simbol kepada sedekah, amal jariah dan berbuat kebaikkan di bulan ramadan. Tambahan pula, apabila wabak Korona melanda seluruh dunia dan Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) dijalankan, amalan-amalan sebegini tidak lagi dapat diadakan. Justeru itu, Projek Qaleng adalah satu proposisi yang menawarkan untuk amalan ini diteruskan dengan cambahan idea yang mengambilkira norma baharu, adaptasi maya serta teknologi dengan keterlibatan komuniti.

PERMASALAHAN

Bersedekah, berkongsi rezeki dan memberi tidak hanya terikat pada bulan ramadan sahaja. Ianya harus diteruskan meskipun pandemik berterusan atau apa saja rintangan sekalipun yang berlaku kerana sedekah, amal jariah dan mempunyai belas dalam diri serta berbuat baik sesama manusia adalah perkara yang dituntut. Itu satu nilai yang baik dan tinggi dalam konteks kemanusiaan. Walaupun, amalan memberi makanan melalui Qaleng ini sudah semakin pudar dan tandus, niat yang baik untuk berkongsi rezeki dan memberi manfaat kepada orang yang memerlukan itu harus diteruskan. Oleh itu, satu kaedah atau cadangan untuk amalan ini sentiasa diteruskan sehingga ke generasi seterusnya harus difikirkan.

KONSEP

Satu eksplorasi kerjasama/kolaborasi akan dijalankan bersama komuniti, *food rider* dan seniman seni visual yang mengetengahkan konsep *memberi, berkongsi* atau *sedekah* sesuatu sebagai simbolik *kasih sayang, kesejahteraan, keamanan, persaudaraan, kesatuan* dan *rasa belas* sesama insan. Komuniti yang dipilih telah pun mengamalkan konsep sedekah Qaleng ini sejak dari dahulu lagi, mereka secara sukarelawan akan bersama-sama memasak, menyediakan Qaleng serta aktiviti-aktiviti seni lain sebagai selitan akan diadakan dalam program ini. Justeru, projek yang diberi nama Projek Qaleng ini, dengan mengambilkira keadaan semasa, teknologi terkini dan norma baharu ingin mengemukakan konsep pemberian makanan (Qaleng) menggunakan khidmat e-hailing/*food rider* (Food Panda/Grab Food). Khidmat *food rider* ini diperlukan dan diminta secara sukarelawan. *Food rider* ini akan bergerak beramai-ramai (mengikut SOP/penjarakan fizikal) dan berpecah untuk menghantar makanan (Qaleng) ke rumah asnaf/orang yang memerlukan di tempat yang berbeza-beza (senarai dari Baitulmal Sarawak). *Food rider* akan pin lokasi rumah/kawasan asnaf/orang yang memerlukan tadi untuk rekod visualisasi (kegunaan penghasilan karya) dan pemberitahuan umum untuk orang ramai menyalurkan bantuan sekiranya ada yang nak berbuat demikian. *Food rider* juga akan merekodkan perjalanan (video) mereka dari dewan serbaguna (tempat berkumpul untuk mengambil Qaleng) ke rumah asnaf/orang yang memerlukan.

METODOLOGI

Projek Qaleng akan mengadaptasikan konsep ko-kreasi/co-creation dalam penghasilan karya dan kajian. Kaedah ini memerlukan penglibatan komuniti, food rider dan seniman. Matarasso (1997) menyatakan bahawa terma ko-kreasi muncul dalam perbincangan tentang seni penyertaan. Beliau merujuk kepada seni penyertaan sebagai praktik kreatif yang melibatkan pihak lain dalam proses kreativiti seniman. Namun, praktik seni penyertaan kebiasaannya tidak menawarkan keseluruhan proses penghasilan karya seni kepada penonton, penglibatan penonton hanya setelah karya seni siap. Manakala, ko-kreasi menawarkan peluang dan ruang untuk penonton (komuniti bukan seni) terlibat sama dalam proses penghasilan karya seni. Di bawah pemetaan konsep ko-kreasi untuk memudahkan pemahaman terhadap konsep:

4W1H METODOLOGI

Siapa?

Komuniti Melayu Islam atau sesiapa saja yang ada niat memberi lebih baik dari menerima

Bila?

Satu aktiiviti yang dianjurkan untuk diadakan selalu

Apa?

Amalan memberikan kuih muih-amal jariah & sedekah

Ko-kreasi

Bagaimana?

Adaptasi kaedah ko-kreasi dengan kolaborasi diantara *food rider*, seniman dan komuniti

Di mana?

Komuniti di Kampung Boyan, Kuching Sarawak

Kenapa?

Eksplorasi kaedah baharu dalam konteks memberi, berkongsi rezeki dan mencari solusi kepada proses perlaksanaannya


Projek Qaleng

5W dalam Kaedah Ko-kreasi

Kaedah ko-kreasi digunakan untuk mendekati dan mempelajari budaya masyarakat Melayu ini. Ianya menjelaskan tentang Apa? Siapa? Di mana? Bila? dan Bagaimana projek ini dijalankan.

PROJEK QALENG

Kerangka Kerja



1 - *Facebook Page*

Menyediakan *fb page* untuk mewar-warkan projek, mencipta pengikut, panggilan sukarelawan (calling for volunteer- r*ider, community individual)*, mendokumentasikan proses dan bahan. Akhirnya menjadi **landasan untuk mempamerkan karya akhir.**

2 - Kajian

Ahli kumpulan melakukan kajian bersama komuniti terpilih untuk mendapatkan bahan & mendalami subjek kajian, ribut-akal, diskusi *(kajian jangka masa pendek)*

3 - Perlaksanaan Projek

Kolaborasi/kerjasama dalam melakukan aktiviti: masak, aktiviti seni, rider konvoi (delivery), diskusi, interaksi (semua ini akan direkod dalam bentuk video, foto, nota lapangan).

4 - Penghasilan Karya

Komuniti, rider dan seniman akan mengadakan refleksi untuk menghasilkan karya daripada bahan yang dikumpulkan.

5 - Refleksi

Maklum balas komuniti, rider dan individu yang terlibat akan diambilkira untuk pembangunan seterusnya. Penilaian keberkesanan projek juga akan dijalankan pada fasa ini.

Projek Qaleng
Zaki X Faizuan X Razif X Zamhari

PERANAN & PROSES

PROJEK QALENG

Peranan dan proses keterlibatan diantara seniman, komuniti, *food rider* dan penerima (asnaf).

SENIMAN

AKTIVITI & PROGRAM- FASILITATOR

PEMINDAHAN PENGETAHUAN/ *KNOWLEDGE TRANSFER*

MENYELESAIKAN MASALAH/ *PROBLEM SOLVING*

CARI DAN SEDIA DANA

FOOD RIDER

PENGHANTARAN

JURU VIDEO

PENEMUBUAL

IDEA, CADANGAN DAN PEMBUAT KEPUTUSAN

KEPAKARAN: PIN LOKASI

KO-KREASI

KOMUNITI

GOTONG ROYONG MENYEDIAKAN MAKANAN

PEMBUNGKUSAN /*PACKAGING*

PESERTA DALAM AKTIVITI SENI

PEMBERI IDEA, CADANGAN DAN PEMBUAT KEPUTUSAN

PENERIMA

PEMBERI RESPON

PANDANGAN

KARYA AKHIR

Dalam konteks seni kontemporari atau sezaman, Projek Qaleng menekankan *konsep, metodologi* dan *proses penghasilan karya* melebihi daripada karya akhir. Walaupun begitu, Projek Qaleng akan menjadikan rakaman proses keterlibatan, interaksi, komunikasi, serta kolaborasi penghasilan karya bersama komuniti bukan seni (non-affiliated community) sebagai sebuah karya akhir. Ianya mungkin sahaja boleh dipersembahkan dalam bentuk video, fotografi, lakaran dan nota lapangan. Projek Qaleng menjadikan *performance videography* sebagai tunjang atau paradigma pengkaryaan. Konteks persembahannya pula, dengan mengambilkira norma baharu dan trend serta desakan masa kini, karya akhir Projek Qaleng akan dipersembahkan secara maya menggunakan landasan sosial media seperti *facebook, Youtube* dan sebagainya.Ini kerana, *nature* pengkaryaan Projek Qaleng menjadikan seni persembahan (art performance) sebagai tunjang atau paradigma pengkaryaan dan tidak melihat seni di lokasi secara konvensional yang masih lagi terikat dalam ruang galeri.

KESIMPULAN



Melalui Projek Qaleng akhirnya, semua itu adalah proses interaksi aktif yang menyumbang kepada explorasi, pengumpulan data dan sumbangan idea yang konstruktif dalam membina sesuatu yang berguna dan bernilai.

Menawarkan proposisi penggunaan metod berlainan dan nada baharu dalam konteks seni sezaman yang masih lagi mengekalkan adat dan tradisi tetapi produksinya dalam paradigma sezaman serta tidak mengenepikan norma baharu dan *trend* kekinian dalam persembahan kaya.

KONTAK

Awang Mohd Zaki bin Awang Suhaili
Email: Awangmozaki@gmail.com

Mohamad Faizuan bin Mat
Email: mohdfaizuan@gmail.com

Mohd Razif Mohd Rathi
Email: razifrathi@yahoo.sg

Mohamad Zamhari bin Abol Hassan
ahzamhari@unimas.my